

---

**Kuala Lumpur:** Tiada istilah layanan istimewa atau dwistandard membatikan tindakan kapit tayar kenderaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap pemilik kenderaan melakukan kesalahan lalu lintas.

Ini susulan dakwaan DBKL kononnya tidak mengambil tindakan sama terhadap kereta mewah

dalam operasi dilakukan di Bangsar baru-baru ini.

DBKL dalam kenyataannya berkata, tindakan itu dijalankan di sekitar Jalan Telawi, Bangsar membatikan 13 kenderaan yang dikenakan tindakan kapit.

“Tindakan dilakukan berdasarkan prosedur ope-

## ***DBKL tak pilih ‘bulu’***

rasi standard (SOP) yang jelas dan konsisten, tanpa pertimbangan khas untuk sesiapa pun.

“Pada hari kejadian, sejumlah 13 kenderaan dikenakan tindakan kapit roda, termasuk kereta Perodua Bezza seperti yang dirakam oleh pemiliknya,”

katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Dalam hantaran sama DBKL menjelaskan menjelaskan tindakan kapit tayar ke atas kereta Perodua Bezza itu jam 1.09 tengah hari manakala pembukaan kapit dilakukan pada jam 1.30 tengah hari.